Memperingati Hijrah Rasulullah

Memperingati Hijrah Rasulullah

Tahun Baharu Islam

Dengan tidak terasa, kita sudah memasuki tahun baharu Hijriyyah. Ibarat ahli perniagaan kita sudah membuat perhitungan, menutup buku lama dan membuka buku baharu.

Buku lama ditutup bukan asal ditutup sahaja, tetapi dilihat dan diperiksa tentang untung dan ruginya. Kalau terdapat kerugian, maka dijadikanlah peringatan untuk tahun yang akan datang, supaya jangan mendapat rugi lagi. Dan kalau mendapat untung, maka diikhtiarkanlah supaya tahun yang akan datang, mendapat untung lagi, atau sekurang-kurangnya jangan mendapat untung kurang dari tahun yang lalu.

Oleh al-Ustādh Muhammad Ali al-Hamidi

Demikianlah hendaknya kita hidup di dunia membuat perhitungan untuk diri kita sendiri, sebelum Allah mengadakan perhitungan bagi amal kita di akhirat kelak, kerana pada hari itu, kita sudah tidak dapat lagi berikhtiar dan berusaha untuk menambahkan keuntungan, atau untuk menebus kerugian.

Mengenai yang sedemikian itu, Allah *subḥānahu wa ta'ālā* berfirman:

Yā ayyuhā alladhīna āmanū ittaqū Allāha waltanẓur nafsun mā qaddamat li ghadin wa ittaqū Allāha inna Allāha khabīrun bi mā ta'malūn. Wa lā takūnū ka alladhīna nasū Allāha fa ansāhum anfusahum ulā'ika humu al-fāsiqūn. (al-Ḥashr, 18-19).

Ertinya: "Hai orang-orang yang beriman, takutlah kepada Allah, dan tiap-tiap diri hendaklah melihat apa yang telah diusahakannya untuk Hari Esok (Hari Kiamat), takutlah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan. Janganlah kamu seperti orang-orang yang lupa kepada Allah, maka Allah jadikan mereka lupa kepada diri mereka sendiri. Mereka itulah orang-orang yang fasik."

Selain dari itu, pada Hari Akhirat kelak, akan diperiksa segala amal kita langsung dari Allah sebagaimana yang diterangkan oleh Junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*:

Mā minkum aḥadin illā sayukallimuhu rabbuhu yawma al-qiyāmati laysa baynahu wa baynahu tarjamān, fa yanẓuru ayman minhu fa lā yarā illā mā qaddama min 'amalihi, wa yanẓuru ash'am minhu fa lā yarā illā mā qaddama, wa yanẓuru bayna yadayh fa lā yarā illā al-nār tilqā' wajhahu, fa ittaqū al-nār wa law bi shaq tamrah. (al-Bukhārī wa Muslim wa al-Tirmidhī).

Ertinya: "Tidak ada seorang pun daripada kamu melainkan ia akan diperiksa oleh Tuhannya pada Hari

Kiamat, tidak ada juru bahasa antara dia dengan Tuhannya. Maka ia pun menengok ke sebelah kanannya, maka ia tidak melihat melainkan amalan yang telah dikerjakannya, ia menengok lagi ke sebelah kiri, maka ia tidak melihat melainkan amalannya juga. Ia melihat pula di hadapannya, maka ia tidak melihat melainkan api neraka menghadapi dirinya. Oleh kerana itu hendaklah kamu takut kepada api neraka, sekalipun hanya dengan bersedekah sepotong buah kurma."

Setelah itu seyogialah kita memikirkan pula empat perkara yang menjadi tujuan penting daripada tuntutan Tuhan waktu kita masuk sahaja ke dalam lingkungan Hari Kiamat, iaitu umur, amal, harta dan taubat kita. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Nabī *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, sabdanya:

Lā tazūl qaddama 'abd yawm al-qiyāmah ḥattā yas'al min 'umrihi fīhim afnāhu wa 'an 'amalihi fima faʿal wa 'an mālihi min ayna iktisabahu wa fīma infaquhu wa 'an jismihi fīma iblāhu. (Al-Tirmidhī).

Ertinya: Belum lagi berkisar seorang hamba pada Hari Kiamat, hingga dia ditanya dari hal umurnya: di mana dihabiskannya; dan tentang amalnya: di mana diusahakannya; dan tentang hartabendanya, dari mana didapati dan di mana dibelanjakannya; dan tentang tubuhnya di mana dicampakkannya."

Demikianlah hendaknya kita membuat perhitungan tentang untung dan rugi dalam pertukaran tahun baharu sekarang ini, bagi menghadapi masa yang lanjut di akhirat kelak.

Hidup menjadi riwayat

Manusia di atas dunia ini membuat riwayat atau citra dalam hidup dan penghidupannya. Sebagaimana kata seorang ahli hikmah:

Innamā al-nās aḥādīth fa inna istaṭaʿta an takūna aḥsana al-aḥādītha fa ifʿal.

Ertinya: "Hanya sanya manusia itu menjadi riwayat atau citra, jika dapat engkau menjadi riwayat yang sebaiknya, maka perbuatlah."

Riwayat manusia itu ada yang pendek dan ada yang panjang. Ada yang ringkas dan ada yang luas. Ada yang jahat dan ada yang baik. Ini semua bergantung kepada umurnya, perbuatannya, perjuangannya dan usahanya. Kalau yang tersebut tadi diisi dengan kebaikan, makan menjadilah riwayat yang baik. Dan kalau diisi dengan

Pelajar-pelajar Madrasah Khayriyyah, Kampung Pisang, Kupang, Baling, Kedah, bergambar untuk kenangan. Duduk dari kanan: Abdullah Muhammad Rejab, Abdul Halim Khairi dan Abdul Rashid Hassan. Berdiri dari kanan: Yusuf Ahmad, Ismail Abdullah dan Abdul Rashid Muhammad Amin.

kejahatan, maka menjadilah riwayat yang jahat. Riwayat itu tidak boleh bertukar, tidak boleh berubah dan tidak boleh disadur atau dipalsukan. Itu semua tercatit dalam gambaran hidup, tidak akan terhapus selama-lamanya. Kalau dalam ingatan manusia terlupa atau terhapus dalam tulisan dan lukisan, maka dalam catitan Allah, tidaklah hilang dan tidak terluput walaupun yang sekecil-kecilnya. Pada Hari Akhirat kelak akan disuruh baca sendiri, sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah *'azza wa jalla* dalam firman-Nya:

Wa kulla insānin alzamnāhu ṭā'irahū fī 'unuqihī wa nukhriju lahū yawma al-qiyāmati kitāban yalqāhu manshūrā. Iqra' kitābaka kafā binafsika al-yawma 'alayka ḥasībā (al-Isrā', 13-14).

Ertinya: "Dan tiap-tiap manusia kami gantungkan riwayat amalnya di tengkuknya, dan kami akan keluarkan baginya pada Hari Kiamat sebuah kitab yang didapatinya dengan terbuka: Bacalah kitabmu, cukup dirimu pada hari ini menjadi penghitungan."

Peringatan Hari 'Āshūrā'

Pada bulan Muharram, terutama pada hari yang kesepuluh iaitu hari 'Āshūrā', dijadikan peringatan untuk mengingati Nabī Adam diturunkan dari dalam Syurga, kerana terpedaya kepada pujukan iblis, sehingga Allah Ta'ālā berikan peringatan kepada segala manusia, bahawa syaitan itu ialah musuhnya yang jahat sekali, dan jangan diturut segala ajakannya. Tentang ini Allah Ta'ālā berfirman:

Wa lā tattabi'ū khuṭuwāti al-shaiṭāni innahū lakum 'aduwwun mubīn. Innamā ya'murukum bi al-sū'i wa al-faḥshā'i wa an taqūlū 'alā Allāhi mā lā ta'lamūn. (al-Baqarah, 168-169).

Ertinya: "Dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan, kerana syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu. Syaitan itu hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan keburukan, dan supaya kamu berkata-kata atas nama Allah akan sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya."

Hari 'Āshūrā' juga dijadikan peringatan bagi peristiwa berlabuhnya bahtera Nabī Allah Nūḥ – *'alayhi al-salām* – sesudah surut taufan atau air bah. Manusia yang derhaka kepada Allah dan kepada Nabī Nūh, kesemuanya telah ditenggelamkan termasuk anaknya sendiri sedang yang selamat hanyalah yang turut naik di dalam bahtera Nabī Nūḥ itu.

Tentang ini Allah *'azza wa jalla* berfirman:

Salāmun 'alā Nūḥin fī al-'ālamīn. Innā kadhālika najzī al-muḥsinīn. (Al-Ṣāffāt, 79-80).

Ertinya: "Sejahtera bagi Nūḥ di antara sekalian alam. Begitulah Kami membalas orang yang berbuat baik."

Hari 'Āshūrā' juga dijadikan peringatan bagi peristiwa Nabī Mūsā yang telah diselamatkan dengan melalui laut ketika dikejar oleh Firaun, dan ditenggelamkannya Firaun bersama pengikut-pengikutnya ke dalam laut. Peristiwa ini dijelaskan oleh Allah Ta'ālā, firman-Nya:

Wa anjaynā Mūsā wa man ma'ahu ajma'īn. Thumma aghraqnā al-ākharīn. (al-Shu'arā', 65-66).

Ertinya: "Dan Kami selamatkan Mūsā dan orang yang bersama dia semuanya. Kemudian Kami binasakan Firaun dan tenteranya."

Setelah kita mengetahui peristiwa-peristiwa yang besar itu, hendaklah kita mulai mengubah riwayat hidup yang jahat, rendah dan hina, supaya menjadi baik, tinggi dan mulia, mudah-mudahan Allah *'azza wa jalla* perbaiki keadaan kita sehingga riwayat hidup kita menjadi baik – *Amīn yā Rabb al-'Ālamīn*.